

Notis Perlindungan Data Peribadi

Tujuan notis ini adalah untuk memberitahu bahawa "Mazars", "kami", "milik kami" atau "kita" adalah merujuk kepada:

- Mazars PLT;
- Mazars Taxation Services Sdn Bhd; dan
- Mazars Risk Management Sdn Bhd,

Mazars mengakui pentingnya melindungi data peribadi dan tanggungjawab kami di bawah Akta Undang-Undang Perlindungan Data Peribadi 2010 Malaysia dan setiap pengubahsuaian yang dilakukan di bawahnya di Malaysia.

Aktiviti yang melibatkan penggunaan data peribadi seperti yang tertakhluk di bawah European Union ("EU") General Data Protection Regulation ("GDPR"), yang merangkumi seluruh EU, termasuk United Kingdom.

Notis Data Peribadi ("Notis") ini menjelaskan bagaimana Mazars memproses data peribadi anda di mana kami adalah pengguna data (atau pengendali berdasarkan GDPR) dan langkah-langkah keselamatan yang sewajarnya untuk memastikan data peribadi anda dilindungi.

Sekiranya kami memberikan perkhidmatan kepada majikan anda dan dikontrak sebagai pemproses data, kami hanya memproses data peribadi anda sesuai dengan arahan dan undang-undang sah seperti yang terkandung di dalam kontrak. Majikan bertanggung jawab untuk memberikan informasi yang relevan kepada anda mengenai pemrosesan data peribadi anda, termasuk pemindahannya kepada kami.

Dimana sesuai, Notis ini harus dibaca bersama dengan Terma Umum Urus Niaga dan polisi-polisi lain dilaman web kami, yang semuanya berkaitan dengan anda jika melibatkan kami.

Sekiranya terdapat sebarang maklumat yang tidak konsisten atau percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia dari Notis ini, maka versi Bahasa Inggeris yang akan diguna pakai. Kami berhak untuk mengubah atau memperbaharui terma-terma di dalam Notis ini pada bila-bila masa dengan menempatkan Notis yang telah diperbarui di laman web kami. Kami menyarankan anda untuk memeriksa di sini secara berkala bagi memastikan anda mengetahui Notis terbaru kami sehubungan dengan perlindungan data peribadi.

Pengumpulan Data Peribadi

Data peribadi yang kami proses tentang anda bergantung pada data yang diberikan oleh anda, berhubung dengan apa pun yang anda miliki dengan pihak lain, serta undang-undang sah dan peraturan yang menjadi dasar kami.

Pengunjung laman web:

Jika anda mengakses laman web kami tetapi tidak berinteraksi lebih lanjut dengan kami, kami hanya akan memproses data yang terkandung dalam cookie (lihat 'Cookie' untuk info lebih lanjut). Jika anda memutuskan untuk berinteraksi dengan kami, misalnya dengan mengirimkan borang permintaan, kami akan memproses data yang diberikan oleh anda dengan tujuan yang tertera pada borang tersebut. Terdapat beberapa maklumat yang wajib diisi kerana tanpa maklumat tersebut kami tidak dapat memberikan maklumat dengan lebih lanjut.

Kami mungkin akan menggunakan data peribadi yang anda berikan melalui saluran-saluran hubungan yang didapati dari laman web kami untuk menjawab pertanyaan anda, dan mengambil langkah-langkah untuk bekerjasama dengan anda, untuk meningkatkan servis kami, untuk berkomunikasi dengan anda berkaitan informasi yang kami anggap relevan bagi anda dan untuk menjaga keselamatan dan kualiti servis kami.

Pencari kerja:

Kami mengumpulkan data peribadi yang diperlukan untuk memungkinkan kami mengesahkan identiti anda sebagai individu, memberi anda informasi tentang peluang bekerja bersama kami, menilai kesesuaian anda untuk jawatan apa pun yang anda mohon, memberi anda informasi tentang progres permohonan kerja, membuat kontrak dengan anda, serta menjaga keselamatan dan kualiti servis kami.

Secara umum, kami mengumpulkan data peribadi anda secara langsung daripada anda sendiri. Data peribadi anda juga dapat dikumpulkan daripada majikan pada waktu kini atau majikan sebelumnya, institusi pendidikan, dan pihak lain yang diperoleh maklumatnya daripada anda sendiri. Kami boleh memperoleh informasi daripada pihak ketiga sebagai sebahagian daripada undang-undang sah dan peraturan untuk memastikan kesesuaian anda bekerjasama bersama kami.

Klien:

Jika anda menerima servis dari kami secara langsung, kami mengumpulkan dan menggunakan data peribadi anda untuk memberikan servis kami kepada anda. Kami dapat mengumpulkan data peribadi anda daripada anda secara langsung, pihak ketiga yang diperlukan untuk memberikan servis kami, dan Mazars Group lainnya secara global.

Selain memberikan servis kami, kami dapat menggunakan data peribadi anda untuk memberikan informasi yang kami anggap relevan bagi anda, mematuhi obligasi undang-undang dan peraturan yang kami patuhi, untuk meningkatkan servis kami dan membangunkan perniagaan kami, serta menjaga keselamatan dan kualiti servis kami.

Sekiranya majikan anda menerima servis daripada kami bersamaan kami menerima data peribadi anda, kami dapat menerima data peribadi tersebut daripada majikan anda atau pihak lain yang mereka perintahkan untuk memberikan data tersebut kepada kami. Kami juga dapat menerima data peribadi anda secara langsung dari anda atau dari organisasi lain seperti badan kawal selia. Kami menggunakan data peribadi yang kami terima untuk memberikan servis kepada klien kami.

Kami juga dapat menggunakan data peribadi anda untuk memberikan informasi yang kami anggap relevan bagi anda, mematuhi syarat terma dan peraturan, meningkatkan servis kami dan mengembangkan perniagaan kami, serta menjaga keselamatan dan kualiti servis kami.

Kadangkala, kami juga dapat mengumpulkan data peribadi anda dari sumber umum.

Bakal klien dan individu lain yang tidak termasuk di atas:

Jika anda telah menghubungi kami untuk menanyakan tentang servis kami, kami akan mengumpulkan data peribadi yang diperlukan untuk memahami maklumat yang diperlukan oleh anda dan mengambil langkah-langkah untuk memeterai kontrak servis kami. Kami boleh menggunakan data peribadi anda sebagai sebahagian daripada proses kontrak, termasuk untuk memahami maklumat yang diperlukan oleh anda dan untuk memenuhi undang-undang sah dan peraturan yang menjadi subjek kami. Data peribadi anda juga dapat digunakan untuk memberikan informasi yang kami anggap relevan bagi anda, untuk mematuhi undang-undang sah dan peraturan yang menjadi dasar kami, untuk meningkatkan servis kami dan membangunkan perniagaan kami serta menjaga keselamatan dan kualiti servis kami.

Sekiranya anda telah diberitahu oleh kami bahawa kami memproses data peribadi anda untuk tujuan kami sendiri, kami telah mengumpulkan data peribadi yang diperlukan untuk memenuhi tujuan tertentu. Data peribadi tersebut didapati secara langsung dari anda, majikan yang memiliki hubungan kerja dengan kami, pihak ketiga, dan firma-firma lain di dalam Mazars Group.

Kadangkala, kami juga dapat mengumpulkan data peribadi anda dari sumber yang tersedia untuk umum.

Untuk semua subjek data:

Kategori dan jenis data peribadi yang kami kumpulkan bergantung pada alasan kami memproses data peribadi anda. Secara umum, kami mengumpulkan data demografi (seperti nama, maklumat kontak) agar kami dapat berkomunikasi dengan anda. Kami juga mungkin mengumpulkan data kawangan, pekerjaan, sosial, pendidikan, atau data peribadi lainnya yang diperlukan untuk membolehkan kami memberikan servis kami atau memenuhi tujuan kami. Apabila anda menghubungi kami atau terlibat dengan kami (termasuk sebagai sebahagian dari servis kami), kami mewajibkan bidang data tertentu untuk membolehkan kami memproses permintaan anda.

Dalam beberapa keadaan, anda boleh memilih untuk memberikan data peribadi tambahan yang anda anggap perlu, termasuk data peribadi yang sensitif (atau yang setara menurut undang-undang perlindungan data bagi anda). Di mana anda memilih untuk memberi sebarang data peribadi kepada kami yang tidak kami minta, anda boleh melakukannya sesuai dengan budi bicara anda. Data tersebut akan dipadamkan jika dianggap tidak sesuai.

Alasan Pengumpulan Data Peribadi

Data peribadi anda dapat diproses untuk pelbagai tujuan tergantung kepada situasi, termasuk namun tidak terbatas kepada:

- a) mengesahkan identiti anda dan berkomunikasi atau berhubung dengan anda;
- b) berkait dengan atau sehubungan dengan tugas profesional kami dalam pelaksanaan servis kepada anda;
- c) keperluan mengendalikan akaun-akaun klien termasuk pengebilan, pengumpulan dan pelaporan dalaman/luaran.
- d) mempromosikan, memasarkan, atau menawarkan servis profesional kami kepada anda, termasuk memberikan cadangan servis profesional kepada prospek. Dalam kebanyakan kes, kami akan memberikan anda kesempatan untuk memilih keluar dari aktiviti pemasaran secara langsung daripada pihak kami. Anda boleh memilih untuk tidak ikut serta dengan cara berhenti melanggan informasi yang anda terima atau dengan menghubungi kami.
- e) tujuan pemilihan dan pengurusan untuk permohonan pekerjaan melalui laman web kami;
- f) menghantar pesanan secara berkala, buletin, artikel, tulisan, pembaruan tentang hal-hal profesional dari waktu ke waktu;
- g) memudahkan kepatuhan kami terhadap undang-undang sah dan peraturan, termasuk undang-undang sah atau perintah pengadilan;
- h) memproses dan memberikan kesan pada transaksi komersial (vendor, pembekal)
- i) sebarang tujuan sah lain yang bersampingan atau sebagai kelanjutan daripada hal di atas.

Data peribadi yang dikirimkan melalui laman web kami dapat digunakan oleh kami dalam bentuk tanpa nama untuk menilai dan meningkatkan servis yang diberikan di sini dan untuk kegiatan pengembangan perniagaan kami dengan lebih luas.

Sumber Pengumpulan Data Peribadi

Bergantung pada cara kami berinteraksi dengan anda, kami dapat mengumpulkan data peribadi secara langsung daripada anda, atau melalui cara lain, termasuk namun tidak terbatas pada yang berikut ini:

- a) pertanyaan umum dan borang permohonan pekerjaan yang tersedia di laman web kami;
- b) majikan anda sekarang, sebelumnya, dan orang lain yang anda izinkan untuk memberikan data peribadi anda kepada kami;

- c) borang informasi klien baru semasa proses penerimaan klien;
- d) melalui penasihat pihak ketiga, bank saudagar atau penyedia servis;
- e) di setiap acara, persidangan, atau seminar yang kami selenggarakan;
- f) pada acara, persidangan atau seminar yang diselenggarakan oleh pihak ketiga;
- g) perkongsian kad perniagaan atau dengan mengunjungi majikan kami atau majikan anda;
- h) melalui pencarian yang dilakukan di pendaftaran awam dan sumber informasi lain yang tersedia untuk umum;
- i) saluran media sosial kami dengan tautan yang tersedia di laman web kami;
- j) dari cookie melalui penggunaan laman web kami.

Pemprosesan Data Peribadi

Asas undang-undang untuk pemprosesan:

Bergantung pada keadaan di mana kami menerima data peribadi anda dan undang-undang yang berkenaan, kami bergantung pada asas undang-undang berikut untuk memproses data peribadi tersebut:

- **Persetujuan:** Seperti mana yang wajar, kami akan meminta kebenaran anda untuk memproses data peribadi anda.
- **Penerimaan dan pelaksanaan kontrak:** Sekiranya anda berminat untuk menjadi pelanggan Mazars, kami akan menggunakan data peribadi anda untuk mengambil langkah untuk menandatangani kontrak untuk perkhidmatan dengan anda. Kami mungkin terus menggunakan data yang diberikan melalui laman web kami untuk melaksanakan tugas kami di bawah kontrak dengan anda.
- **Kepentingan yang sah:** Dalam sesetengah kes, kami mungkin memproses data peribadi anda dalam melaksanakan kepentingan sah kami atau kepentingan pihak lain. Kepentingan termasuk penyampaian dan perkembangan perkhidmatan kami, memenuhi hak dan obligasi pentadbiran, perakaunan dan korporat kami, mengekalkan dan menggunakan sistem IT kami, pengurusan keselamatan dan membangunkan perniagaan dan perkhidmatan kami.
- **Pematuhan terhadap kewajipan undang-undang:** Kami mungkin tertakluk kepada obligasi undang-undang untuk memproses data peribadi, seperti untuk tujuan penguatkuasaan undang-undang atau kewajipan yang diletakkan ke atas majikan. Kami memproses data peribadi untuk mematuhi kewajipan tersebut.

Lokasi:

Kami mungkin memproses data peribadi anda dalam bidang kuasa selain Malaysia. Terutamanya ini berlaku apabila kami menggunakan penyimpanan teknologi maklumat, sumber dan sokongan daripada pembekal yang terletak di kawasan geografi lain. Kami juga boleh menggunakan perkhidmatan firma ahli kumpulan antarabangsa kami. Di mana perlu kami akan mendapatkan persetujuan anda untuk pemindahan tersebut.

Jika anda adalah warga EU atau UK dan kami memindahkan data peribadi anda ke luar Malaysia, kami hanya akan memindahkan data peribadi tersebut (i) ke negara yang di anggap mempunyai undang-undang perlindungan data yang mencukupi oleh Suruhanjaya Eropah atau European Commission; atau (ii) apabila kami telah menyediakan mekanisme pemindahan data yang sesuai, seperti Klausula Kontrak Standard EU atau IDTA UK, untuk memastikan bahawa data peribadi anda dilindungi dengan secukupnya.

Pendedahan Data Peribadi

Kami mungkin akan menyalurkan atau mengungkapkan data peribadi anda kepada entiti lain didalam Mazars atau kepada pihak ketiga dari masa ke semasa untuk tujuan apa pun yang terkandung di atas, termasuk kepada lembaga pemerintah dan profesional serta pihak ketiga yang melakukan servis atas nama kami, seperti penyedia web hosting, penyedia IT, penyedia pembayaran, penyedia pengurusan hubungan pelanggan.

Apabila kami mengungkapkan data peribadi anda kepada pihak ketiga yang melakukan servis atas nama kami, kami memastikan bahawa penyedia servis tersebut menggunakan data anda

hanya sesuai dengan arahan kami.

Kami juga mungkin mendedahkan data peribadi anda kepada pihak ketiga dimana kami diwajibkan oleh undang-undang, pengawalselia, atau untuk tujuan, atau sehubungan dengan undang-undang sah apa pun, atau untuk tujuan menetapkan, melaksanakan, atau mempertahankan hak-hak hukum kami. Jika kami melakukan penggabungan atau penjualan sebahagian atau seluruh perniagaan kami dan kami perlu melakukannya, data peribadi anda mungkin akan dikongsi dengan calon pihak ketiga.

Kami mungkin memberikan data peribadi kepada anggota Mazars lainnya jika diperlukan untuk tujuan pengurusan dan untuk memberikan servis profesional kepada klien kami (misalnya saat memberikan servis yang melibatkan anggota Mazars di perbagai negara).

Jika anda mengajukan pertanyaan melalui laman web kami yang berkaitan dengan salah satu anggota Mazars, kami akan meneruskan permintaan tersebut kepada mereka atas nama anda.

Kami tidak menjual atau menyewakan data peribadi anda untuk sebarang tujuan.

Langkah Keselamatan

Kami memastikan kawalan teknikal dan organisasi yang sesuai disediakan untuk melindungi data peribadi daripada kehilangan, penyalahgunaan, pengubahan dan kemusnahan yang tidak disengajakan, seperti penggunaan anti-virus, *firewall*, *secure server*, perisian penyulitan cakera keras, perlindungan kata laluan, kawalan akses fizikal, *2 factor authentication*, pencerobohan dan pengesanan anomali.

Kakitangan kami yang mempunyai akses kepada data peribadi anda telah dilatih untuk mengekalkan kerahsiaan data tersebut. Mereka hanya akan diberikan akses kepada data peribadi anda setakat yang mereka memerlukan maklumat ini untuk melaksanakan tugas mereka dengan betul. Orang yang boleh merujuk data anda juga terikat dengan budi bicara profesional yang ketat.

Syarat-syarat untuk melindungi data sekurang-kurangnya pada standard yang sama seperti yang kami lakukan adalah ditujukan kepada semua kontraktor, (sub) pemproses dan pembekal kami

Pemantauan dan ujian tetap terhadap pertahanan keselamatan kami dijalankan secara berkala untuk memastikan ianya terus berkesan daripada ancaman terkini

Data yang dialihkan melalui internet oleh kami dan melalui laman web ini dilindungi dengan menggunakan teknologi *encryption*. Namun demikian, transaksi yang dilakukan melalui internet tidak dapat dijamin keselamatannya dan anda diharuskan untuk memastikan keselamatan jaringan dan kata persendirian anda untuk mengurangi risiko pencerobohan data dan serangan siber.

Kanak-kanak dan penggunaan laman web kami

Kami memahami kepentingan melindungi privasi kanak-kanak, terutamanya dalam persekitaran talian. Khususnya, laman web kami tidak direka secara sengaja untuk atau ditujukan kepada kanak-kanak di bawah umur 16. Adalah menjadi dasar kami tidak mengumpul atau menyimpan maklumat tentang sesiapa di bawah umur 16. Kami memahami kepentingan melindungi privasi kanak-kanak. Jika anda berumur di bawah 16 tahun, anda mesti mendapatkan kebenaran ibu bapa atau penjaga untuk menyerahkan maklumat melalui laman web kami. Sila minta mereka menyemak Notis ini sebelum anda berkomunikasi dengan kami

Tempoh Pengekalan Data Peribadi

Kami akan menyimpan data peribadi anda di dalam sistem kami untuk tempoh yang lama di antara berikut: (i) selagi perlu untuk tujuan pengumpulan data; (ii) apa-apa tempoh pengekalan yang dikehendaki oleh undang-undang; atau (iii) pengakhiran tempoh liabiliti di mana litigasi

atau penyiasatan mungkin timbul berkenaan dengan perkhidmatan kami.

Selepas tempoh pengekalan yang berkenaan telah tamat, data peribadi akan dipadamkan atau disimpan tanpa nama.

Hak Anda

Anda boleh menggunakan beberapa hak ke atas data anda seperti:

- a) mengakses data peribadi yang kami miliki tentang anda;
- b) meminta kami memperbetulkan mana-mana data peribadi anda yang tidak tepat
- c) meminta agar data peribadi anda dihapus;
- d) meletakkan sekatan ke atas pemprosesan data peribadi anda;
- e) membantah pemprosesan data peribadi anda oleh kami;
- f) meminta kami memindahkan data anda kepada pengawal lain;
- g) menarik balik kebenaran pemprosesan data peribadi anda oleh kami

Kami akan menyemak dan mengendalikan semua penggunaan hak subjek data anda mengikut keperluan undang-undang privasi yang berkenaan.

Sila berikan bukti identiti anda dan bukti alamat untuk membolehkan kami mengenali anda semasa mengemukakan permintaan anda kepada kami. Beberapa contoh ialah kad pengenalan/pasport atau lesen memandu dan bil utiliti terkini.

Di mana dibenarkan secara sah, kami mungkin akan mengenakan caj kepada individu untuk membiayai kos mengesahkan permintaan untuk maklumat dan mencari, mendapatkan semula, menyemak dan menyalin apa-apa bahan yang diminta.

Semua permintaan hendaklah dibuat secara bertulis kepada kami di alamat di bawah:

Mazars

Wisma Golden Eagle Realty

Lantai 11, Blok Selatan, 142-A, Jalan Ampang 50450 Kuala Lumpur, Malaysia

Perhatian: Data Protection Officer

Nombor Telefon: +603-27025222 | Email: contact@mazars.my

Sekiranya anda tidak dapat mengemukakan permintaan anda secara bertulis, sila hubungi kami dan kami akan membantu anda.

Sekiranya anda tidak berpuas hati dengan cara kami mengendalikan data peribadi anda dan kami tidak dapat menyelesaikan isu untuk anda dan anda adalah warga EU, anda boleh membawa perkara itu kepada pihak berkuasa penyeliaan tempatan anda yang bertanggungjawab untuk hal perlindungan data. Suruhanjaya Eropah mengekalkan senarai pihak berkuasa penyeliaan perlindungan data yang boleh didapati [di sini](#). Dalam semua keadaan lain anda boleh membawa perkara itu kepada Information and Data Protection Commissioner.

Notis privasi semasa ini adalah versi January 2023 dan telah diperbarui pada 13 February 2023.

Penafian

Ketepatan dan kelengkapan data peribadi anda bergantung pada informasi yang anda berikan kepada kami. Kami menganggap informasi yang anda berikan adalah benar dan terkini kecuali anda memberitahu kami sebaliknya. Apabila anda memberikan data peribadi kepada pihak ketiga, pekerja, dan pengarah organisasi anda kepada kami, termasuk namun tidak terbatas pada informasi keluarga mereka, kami menganggap bahawa anda telah mendapatkan

persetujuan yang diperlukan dari setiap individu bahwa informasi tersebut akan didedahkan kepada kami.